

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANDRA MOHAN A/L S.
THAMBIRAJAH**

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

SOALAN : 53

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penumpang harian (purata) bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) untuk enam bulan pertama 2018 mengikut pecahan bulan dan sebab-sebab kenapa masih gagal mencapai anggaran asal serta inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan lagi bilangan penumpang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rangkaian MRT Sungai Buloh Kajang (SBK) memainkan peranan penting terutama sekali dalam mewujudkan kesalinghubungan dengan perkhidmatan rel lain yang sedia ada di kawasan Lembah Kelang. Secara keseluruhannya, bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2018 perkhidmatan ini telah merekodkan purata bilangan penumpang harian seramai 150,000 orang sehari (pada hari bekerja). Bilangan ini merupakan peningkatan sebanyak 22% berbanding purata bilangan penumpang yang direkodkan antara bulan Ogos dan Disember 2017 (125,000 orang sehari), iaitu sejak perkhidmatan ini dilancarkan sepenuhnya pada 17 Julai 2017.

Berikut adalah pecahan purata bilangan penumpang harian pada hari bekerja di antara bulan Januari dan Jun tahun 2018. Seramai 136,000 penumpang sehari bagi bulan Januari, 139,000 penumpang bagi bulan Februari, 152,000 penumpang bagi bulan Mac, 152,000 penumpang juga bagi bulan April, 154,000 penumpang bagi bulan Mei dan 165,000 penumpang bagi bulan Jun. Secara puratanya, perkhidmatan ini merekodkan 4% peningkatan bilangan penumpang harian pada setiap bulan.

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama pilihan rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi bilangan penumpang MRT antaranya sistem tiket bersepadu di antara perkhidmatan rel. Pengguna hanya perlu mengakses ke satu perkhidmatan rel seperti MRT dan boleh

bertukar dengan perkhidmatan rel yang lain dengan menggunakan tiket yang sama. Selain itu, perkhidmatan sokongan batuan awal dan akhir (*first and last mile*) melalui bas pengantara juga disediakan bagi memudahkan akses penumpang ke stesen MRT yang berhampiran dengan kawasan kediaman dan komersil masing-masing. Kekerapan operasi perjalanan MRT juga telah ditetapkan pada setiap 4 minit pada waktu puncak pagi dan petang berbanding antara 7 dan 15 minit pada waktu bukan puncak. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disenaraikan, adalah dijangka perkhidmatan ini akan menarik lebih ramai bilangan penumpang pada masa hadapan.

Kerajaan juga sedang menyusun langkah untuk melaksanakan dasar baru memperkenalkan pas pengangkutan awam bulanan (*monthly pass*) kepada para pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang (termasuk MRT) seperti yang dijanjikan dalam manifesto Buku Harapan. Mekanisme pelaksanaan akan diumumkan dalam masa terdekat dan ia dijangka dapat meningkatkan lagi bilangan penumpang MRT dan sistem penggunaan awam yang lain.